



Ulasan Buku: Lim Swee Tin. 2002. *Berkelana di Belantara Kata*. Penerbitan Pustaka Nusa Sdn Bhd.

(Book Review: Lim Swee Tin. 2002. Berkelana di Belantara Kata. Penerbitan Pustaka Nusa Sdn Bhd.)

(*Corresponding Author)

Ahmad Syauqi Asyraf bin Arshad *

Nur Atiqah Tang binti Abdullah

Institut Kajian Etnik (KITA)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

P159504@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Buku yang membawa tajuk '*Berkelana di Belantara Kata*' ini merupakan suatu penghasilan catatan kehidupan peribadi Lim Swee Tin dalam tiga dekad menelusuri alam sastera. Sebuah kumpulan tulisan yang jujur dan telus yang merangkumi pengenalan dan keterangan diri, pemerhatian, kritikan, dan juga pengharapan dalam industri persuratan sastera dalam negara. Dalam tulisan beliau juga kita dapat menjenguk ke dalam ruang perkembangan sastera melayu melalui kaca mata yang dipinjamkan, dapat juga kita sesekali meninjau ke jendela seorang penyair yang arif tentang selok-belok birokrasi penerbitan karya kreatif di Malaysia. Seterusnya, Lim Swee Tin memperlihatkan tentang kepelbagaian dan kedinamikan etnik penyair dalam salah satu makalah, di samping peranannya sebagai pemuisi dari etnik minoriti dalam sastera melayu. Secara keseluruhannya, buku ini menawarkan eksplorasi idea dan kefahaman yang bermutu tinggi dalam perjalanan seorang penyair dalam dunia sastera melayu yang divisualisasikan dalam penulisan santai.

ABSTRACT

The book titled "*Berkelana di Belantara Kata*" is a personal account by Lim Swee Tin, reflecting on his thirty-year journey through the world of literature. It is a collection of honest and straightforward writings that include self-introductions, personal reflections, critiques, and hopes for the literary industry in the country. In his writings, we get a glimpse into the development of Malay literature through his perspective, and sometimes, we also get to see the insights of a poet who understands the complexities of the creative publishing industry in Malaysia. Additionally, Lim Swee Tin highlights the diversity and dynamics of poets from different ethnic backgrounds in one of the chapters, while also discussing his role as a poet from a minority group in Malay literature. Overall, this book offers an exploration of ideas and deep understanding of a poet's journey in the Malay literary world, presented in a relaxed writing style.



Prof Datuk Dr. Lim Swee Tin adalah satu sosok yang tidak perlu dibahas kemahirannya dan sumbangannya. Sebuah nama besar dalam alam persuratan Melayu, juga penerima Anugerah S.E.A Write pada tahun 2000. Sebagai rekod, Anugerah S.E.A Write ini adalah satu pengiktirafan tertinggi kepada penggiat sastra dari Rantau Asia Tenggara, yang pernah menampilkan nama-nama besar yang lain seperti A. Samad Said, Baha Zain, Usman Awang, A. Latiff Mohiddin, Kemala, Siti Zainon Ismail dan Muhammad Haji Salleh sebagai penerima pada tahun-tahun berbeza. Melihat kepada penganugerahan gelaran itu, adil kita meletakkan karya-karya Lim Swee Tin berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan penulis-penulis agung sastra melayu yang lain.

Bermula dengan bab satu '*Menjengah Diri*' melampirkan kepada pembaca bahawa perjalanan seorang penggiat sastra dari tahap pemula sehingga tahap sarjana adalah bukti bahawa laluan mencapai matlamat penuh dengan tingkah dan ragam. Lim Swee Tin hadir mencurahkan karya-karya seperti *Eva* (1981), *Akrab* (1985), *Peniup Seruling* (1992), *Antologi Seorang Anak Kecil dan Sajak-Sajak Lain* (1993), *Sebuah Fragmen Cinta* (1998), *Mimpi di Patagonia* (2019) dan yang terbaru, *Harum Lavender* (2025). Walaupun Bahasa Melayu bukanlah lidah ibundanya, Lim Swee Tin tidak kekok menonjol, malah bergemerlapan pula.

SEORANG ANAK KECIL

*Seorang anak kecil
Sedang bermain pasir
Telah tahu menimbang
Antara setempurung pasir
Dengan sehelai daun
Kotor dan bersih
Lalu jelek menyentuhnya
Lewat seorang budak lelaki
Dengan lastik ditangan
Mengintai-ngintai seekor burung
"Mengapa membunuh?" jerit anak kecil itu
"ia juga mahu hidup sepertimu"
Lalu memandang budak itu dengan benci*

*Anak kecil itu
Dalam usia semuda itu
Jiwanya telah tersemai
Erti kemanusiaan
Kiranya dia sedar dunia hari ini
Pasti dia mengeluh dengan seribu kesalan.*

Karya di atas adalah hasil tulisan pertama yang tersiar dalam Mingguan Malaysia (14 Oktober 1973). Puisi yang dipetik daripada antologi *Seorang Anak Kecil dan Sajak-sajak Lain: Sajak-sajak Pilihan* ini adalah titik mula Lim Swee Tin menjadi ghairah menggarap. Beliau menambah, '*Begitu usia muda dan penglibatan yang awal dalam bidang penulisan tidak ubah seperti orang yang jatuh cinta. Semua benar dan elok belaka...*'. Pembaca dapat melihat bagaimana Lim Swee Tin menerangkan faktor-faktor yang menyiram benih semangatnya dalam berkarya. Pertamanya, atas faktor kekurangan penglibatan golongan bukan Melayu. Keduanya, atas kepercayaan bahawa kemahirannya berbahasa mencukupi untuk turut berkarya. Tambahnya lagi, ingin menyaksikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berjaya. Keempat, tanpa berselindung Lim Swee Tin menyatakan dia mahu dikenali dan terkenal.



Berbalik kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dasar ini digubal dan dikuatkuasa melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada 1971 (anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan) untuk membina dan memelihara identiti negara Malaysia. Dasar ini mengambil kira sejarah lampau yang panjang serta konteks semasa. Oleh itu, suatu garis panduan telah dibentuk bagi mencapai objektif-objektif seperti memperkukuh perpaduan negara melalui kebudayaan, memupuk keperibadian kebangsaan berasaskan budaya sendiri serta meningkatkan kualiti hidup dari segi kemanusiaan, kerohanian, dan sosioekonomi secara seimbang.

Seterusnya, unsur-unsur teknikaliti dalam sesebuah puisi mula diperkatakan dalam bab bertajuk '*Di Ruang Kreativiti*'. Untuk menguatkan pemaknaan dan falsafah di sebalik kesusasteraan, Lim Swee Tin memetik idea daripada nama-nama besar tanah air seperti Ali Ahmad, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain dan juga tokoh-tokoh luar antaranya James Fenton, Henry Guntur Tarigan, Samuel Taylor Coleridge serta Elizabeth Bishop. Pentakrifan yang pelbagai namun tidak melunturkan makna sebenar sastera; semua punyai persamaan dalam kemahuan mengangkat martabatnya. Beberapa unsur penting dalam berkarya turut ditekankan dalam bab ini dan salah satunya adalah penggunaan kata yang selektif supaya penterjemahan idea dapat dilakukan dengan baik. Penggunaan unsur figuratif, perlambangan dan simbolisme juga adalah wajar dalam penghasilan karya yang menarik. Lim Swee Tin juga mengingatkan, sebuah puisi yang baik akan melahirkan kesan-kesan estetika dalam diri pembaca selain berperanan memperkaya intelektual, sepertimana yang diusahakannya dalam berkarya. Perihal seterusnya, Lim Swee Tin berkongsi pengalaman dengan menjelaskan bahawa sesebuah karya puisi tidak wujud dalam keadaan sempurna sekali gus. Ilham datang ketika situasi tidak terduga, tidak juga dijangka. Draf idea kebiasaan ditulis pada apa jua medium yang tercapai; sampul surat dan carikan sisa kertas, berkembang menjadi sebuah karya sedikit demi sedikit. Pengulangan bacaan yang seterusnya menemukan kesalahan, meminda penggunaan kata, menguji rima dan keelokan rentak, serta mengharmonikan makna dengan kata. Pengajarannya, pemuisi semasyhur Lim Swee Tin juga perlu melalui proses pemindaan, pemeriksaan kualiti dan juga pengulangan ritma dalam memastikan puisi benar-benar sehati. Bahagian lain dalam bab ini menyentuh perihal puisi yang disifatkannya mendatangkan kesan yang berbeza kepada orang-orang yang berbeza pandangan terhadap karya sastera. '*Sementara, di kalangan penyajak atau penggemar puisi, selonggokan kata-kata itu menjadi satu kunyahan minda dan jiwa yang penting, besar pula peranannya bahkan mampu memukau fikiran serta kalbu mereka.*'

'*Seketika Singgah*' adalah bab yang banyak menyentuh hal ehwal penyair dan pengkarya dalam kesusasteraan Melayu pada era '*Berkelana di Belantara Kata*' ditulis. Lim Swee Tin membuka ruang kepada pemuisi-pemuisi asal Kelantan dengan menurunkan nama-nama mereka sebagai pendedahan kepada khalayak dan mereka adalah K. Bali, Zanariah Wan Abd. Rahman, Salmiah Ismail, Wan Jaafar Ahmad, Moehtar Awang, Leo A.W.S, Adi Nasri Hayani, Lee Keok Chih, Mohd Azlee Lee, Sazalee Yaacob, serta ramai lagi. Anugerah-anugerah yang berbilang prestij juga dimuatkan dalam bab ini, selain beberapa hasil karya yang ditulis mereka. Langkah ini dilihat sebagai satu cubaan Lim Swee Tin untuk "memasarkan"



rakan-rakan senegeri yang menghirup nafas yang sama—nafas sastera. Sifat mengambil berat terhadap mereka juga dipaparkan apabila dinyatakan ramai penulis dari negeri itu yang seakan-akan tenggelam, juga melenyap mengikut peredaran masa. Sambil itu, Lim Swee Tin turut melontarkan pemerhatiannya tentang punca kegagalan pengarang-pengarang ini untuk kekal relevan dalam arus kesusasteraan nasional selain menawarkan pendapatnya bagi mendapatkan tempat dalam industri ini. Lantas, dapat kita lihat sisi keprihatinannya terhadap kebajikan pengkarya penulisan kreatif ini. Bab ini juga mengangkat peranan penyair bukan Melayu, dalam usaha menyemarakkan keterlibatan mereka dalam arena ini. Juga, Lim Swee Tin seakan menzahirkan gusaran apabila keberadaan mereka dilihat tidak begitu serius dan dianggap sebagai pepatung yang mencecah permukaan air; merujuk kepada penglibatan yang muncul-hilang. Jika ada seorang yang ditugaskan untuk kedepan dalam isu ini, ia adalah Lim Swee Tin, salah seorang antara 2 penulis bukan Melayu yang memenangi Anugerah S.E.A Write Awards untuk Malaysia, bermula tahun 1979 sehingga tahun ulasan ini ditulis (2025). Sebagai tambahan, ramai nama penyair serta pencapaian yang diseru Lim Swee Tin, misalnya Lee Cheong Beng yang kerap memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Vank Bhd. Lim Kim Hui, pemenang Peraduan Menulis Puisi Bosnia-Herzegovina, Peraduan Menulis Puisi Patriotisme, dan berbagai-bagai lagi. Bagi Lim Swee Tin, penghasilan karya-karya yang menjurus kepada idea dan semangat persefahaman ini penting terutamanya dalam masyarakat yang berbilang etnik, pelbagai adat budaya dan berlainan kepercayaan agama dalam konteks negara Malaysia. Antara nama yang dinaikkan adalah Siow Siew Sing dengan sajak '*Cap Goh Meh*', juga Munsyi Chai Loon Guan, Penerima Anugerah Tokoh Puisi Kebangsaan peringkat negeri Perak dan tidak dilupa Joseph Selvam, penulis buku kumpulan sajak *Nadi Perpaduan* (1972). Dapat juga dilihat usaha menyeru pemerikasaan keterlibatan dan kesamaan jantina dalam kesusasteraan Melayu apabila Lim Swee Tin mengekshaskan satu cabang bab di bawah tajuk '*Penyair Wanita Malaysia Generasi Baru*'. Pembaca juga dapat menyedari akan sejarah ringkas kemunculan penglibatan mereka, di samping mengikuti perkembangan penyair wanita generasi baru, juga menyelami pemikiran yang dibawa dalam penulisan-penulisan mereka. Beberapa pandangan serta saranan turut ditaburkan bagi menyemai pertumbuhan yang lebih gah dalam kalangan penyair wanita generasi baru.

Penghujung buku ini diselitkan bab '*Sisipan Hujung*' yang menempatkan ucapan penghargaan Lim Swee Tin di Majlis Meraikan Penerima S.E.A Write Award pada tahun 2000. Untuk rekod, anugerah ini adalah satu bentuk pengiktirafan yang diberikan kepada penulis dan penyair setiap negara di rantau Asia Tenggara sejak 1979, yang dimulakan oleh Kerajaan Thailand dengan kerjasama Yayasan Jim Thompson. Di sini dapat kita lihat kemahiran tahap tinggi Lim Swee Tin dalam berbahasa dan menyusun kata-kata. Ucapan yang sesuai, tidak berjala namun sarat dengan untaian penghargaan buat orang-orang sekeliling, luahan 30 tahun pengalaman pelangi dan petir, dan tidak lupa juga pengharapan terhadap hala tuju sastera Melayu. '*...kesusasteraan kita hari ini dan masa depan bukan tiada tantangannya. Kepantasan dan kelicikan teknologi, era digital, serangan faham globalisasi dan keutamaan berlebih-lebihan yang diberi masyarakat kepada material atau kebendaan bukan tidak ada kesannya terhadap survival kesusasteraan kita. Kita perlu menghadapinya, dan saya kira pengarang-*



pengarang dan sasterawan kita yang terpanggil tidak akan membiarkan ia menguncup dan layu sebegitu sahaja.'

Penghasilan buku ini secara keseluruhannya adalah manifestasi sebuah perjalanan seorang sasterawan daripada luah tulisannya sendiri. Pembaca seolah-olah dapat mendiami fikiran figura yang berkecimpung dalam kesusasteraan Melayu selama lebih tiga dekad lamanya dan menariknya melalui penyertaan sebagai orang bukan Melayu. 'Berkelana di Belantara Kata' juga adalah sebuah wadah yang menyalurkan kepada pembaca perihal kepakaran ilmu dan kemahiran Lim Swee Tin dalam selok-belok kesusasteraan di zamannya. Bukan mudah untuk menyediakan penulisan yang sarat dengan informasi semasa, pengetahuan teknikal, untaian pengalaman serta pemerhatian, seruan kepada anak bangsa, dan pengharapan kepada alam sastra semuanya ditulis dalam perkataan-perkataan yang selesa dan mudah dicerna. Percampuran topik-topik berat dan ringan juga tampak stabil dan sama rata dan ini jelas menunjukkan taraf keserjanaan Lim Swee Tin.

Penerbitan buku ini juga satu langkah penting dalam menyemarakkan semangat kekitaan dan keharmonian etnik dalam kalangan warga Malaysia kerana Lim Swee Tin jelas membawa pembuktian bahawa seseorang di luar etnik Melayu juga boleh mencapai tahap yang tinggi dalam pengkaryaan sastra Melayu. Usaha menonjolkan tokoh-tokoh pemuisi bukan Melayu dalam penulisan ini menepis tanggapan diskriminasi malahan menganjurkan diversiti dalam penghasilan karya yang menembusi lapisan perkauman. Memetik kata-katanya *'Penyair-penyair bukan Melayu di Malaysia... tidak pernah membezakan diri mereka atau mengasingkan diri sebagai satu entiti yang terpisah. Mereka ingin turut bersama-sama dalam arus kesusasteraan tanah air sebagaimana penyair-penyair Melayu yang lain juga. Apa yang dirasakan dan difikirkan oleh penyair-penyair Melayu turut sama menyentuh sensitiviti mereka...'* yang jelas memberi dimensi yang unik dalam kesusasteraan kebangsaan, setidaknya-tidaknya sesuatu yang langka di mana-mana negara lain. Penglibatan Lim Swee Tin dalam arena ini amat penting melalui penghayatan dan sumbangan karya sastranya di samping menjadi tali penyambung dalam mengikat kesepaduan etnik-etnik di Malaysia.

RUJUKAN

Dasar Kebudayaan Kebangsaan available at

https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/04Dasar_Kebudayaan_Kebangsaan.pdf

Lim, S.T. 2002. *Berkelana di Belantara Kata*. Kajang: Pustaka Nusa Sdn Bhd.



Ahmad Syauqi Asyraf bin Arshad
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 4, Bangunan Pentadbiran, Kolej Keris Mas, 43600 Bangi, Selangor.
E-mail: P159504@siswa.ukm.edu.my

Dr. Nur Atiqah Tang binti Abdullah
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 4, Bangunan Pentadbiran, Kolej Keris Mas, 43600 Bangi, Selangor.
E-mail: atiqah@ukm.edu.my